

# Malaysia Technical Universities Conference on Engineering & Technology (MUCET 2010)

Malaysia Technical Universiti Network (MTUN) sekali lagi berganding bahu menganjurkan MUCET 2010 di Hotel City Bay View, Melaka. Persidangan kali ke - 4 ini membabitkan penyertaan daripada tenaga pengajar dan ahli akademik empat buah universiti teknikal di Malaysia iaitu Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Antara tujuan utama persidangan ini adalah sebagai landasan kepada tenaga akademik dan para penyelidik dari keempat-empat universiti ini untuk membentangkan kertas kerja hasil penyelidikan mereka terutamanya dalam bidang kejuruteraan dan teknologi di samping dapat merapatkan jalinan hubungan sesama tenaga akademik dan penyelidik. Pada tahun ini, terdapat kelainan dari segi penyertaan di mana setiap universiti terlibat telah dihadkan sebanyak 10 penyertaan bagi pembentangan kertas kerja dan 20 penyertaan bagi pembentangan poster. Itu menjadikan 40 pembentangan oral dan 80 pembentangan poster untuk keseluruhan MUCET 2010. Berlainan dari tahun sebelumnya, pameran bagi produk - produk penyelidikan yang telah berjaya di dalam pameran peringkat tempatan serta antarabangsa tidak diadakan bagi menyahut saranan kerajaan di dalam langkah berjimat cermat.



Dalam persidangan MUCET kali ini, terdapat 5 kategori yang dipertandingkan iaitu Electronics & Electrical Engineering, Mechanical & Manufacturing Engineering, Science, Civil & Chemical Engineering, Information & Communication Technology dan Social Sciences. UniMAP telah berjaya memenangi kategori Science, Civil & Chemical Engineering melalui Dr. Mukhzeer Mohamad Shahimin dari PPK Mikroelektronik melalui kertas persidangan bertajuk "From Polystyrene To Teratocarcinoma: Adaption Of Hybrid MOFS to Stem Cells Environment" dan sekaligus dinobatkan sebagai 'Best Overall Paper' dan merupakan kali kedua beliau memenangi kategori ini.



Selain daripada Dr Mukhzeer, penyelidik yang memenangi kategori poster terbaik ialah Prof. Madya Ir. Ichwan Nasution dalam kategori Mechanical & Manufacturing Engineering dan Zainab Nazar Khalil Wafi bagi kategori Information & Communication Technology dimana kedua duanya memenangi tempat pertama.



Secara keseluruhannya delegasi UniMAP telah menunjukkan pencapaian yang amat baik di dalam penyertaan MUCET 2010 pada kali ini. Persidangan seumpama ini amat berkesan untuk memupuk semangat ahli akademik dan penyelidik UniMAP untuk lebih berdaya saing dalam menghasilkan kertas persidangan yang berkualiti dan menjadi sumber rujukan di dalam dan luar negara.

